

Mangsa banjir dapat bantuan

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Bencana Negara yang bermesyuarat bulan depan akan menetapkan jumlah bantuan kepada pesawah padi di negeri di utara Semenanjung yang tanaman mereka musnah akibat banjir baru-baru ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) dan Jabatan Pertanian sudah diarah membanci untuk mengenal pasti kawasan sawah yang ditenggelami banjir.

Katanya, laporan kedua-dua agensi itu akan dibincangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Bencana Negara yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk memutuskan bantuan sepatutnya.

“Bagaimanapun, bantuan yang diberi bukan dalam bentuk pampasan tetapi bantuan kewangan untuk meringankan beban mereka kerana mengalami kerugian,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah pertandingan melukis Selamatkan Penyus Khazanah Kita peringkat kebangsaan 2006 di Aquaria Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini, semalam.

Rabu lalu, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid ketika melawat dan mengagihkannya bantuan kepada beberapa penduduk di Pendang berkata, Mada diarah membanci kawasan sawah yang ditenggelami banjir menyebabkan anak padi berusia antara 15 hingga 30 hari rosak. Beberapa kawasan di Perlis turut dilanda banjir.